

## LACK OF GUIDELINES BOOK FOR UMRAH WORSHIP SPECIALLY FOR THE VISUALLY IMPAIRED

## KEKURANGAN BUKU GARIS PANDUAN IBADAH UMRAH KHUSUS UNTUK OKU PENGLIHATAN

Sharifah Nur Hidayah Syed Harun<sup>1</sup> & Mohammad Zaini Yahaya<sup>2</sup>

<sup>1&2</sup>Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

### Abstract

*The limitations of vision disability group cause them to face problems in the implementation of umrah. Among the main factors of this problem is the lack of reference material for umrah guidelines that are friendly to the visually impaired. This study is to determine the problem of lack of umrah references material that focusing to the blind and visually impaired group. This study uses qualitative methods through interviews and references from library which involve the analysis of documents on sources that describing how to perform ibadah for the blind and visually impaired group, the Islamic law of performing umrah, the leniency and guidelines for umrah. The results showed that the blind and visually impaired group have a lack of umrah reference materials and the existing guideline books are not specific to them. The results of this study gave positive results towards suggesting improvements to the existing umrah guidelines especially to the interested parties, Yayasan Orang Buta Malaysia.*

**Keyword:** Umrah, blind people and umrah guideline book

### Abstrak

Keterbatasan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan menyebabkan mereka menghadapi masalah dalam pelaksanaan ibadah umrah. Antara faktor utama masalah ini berlaku ialah kekurangan bahan rujukan garis panduan umrah yang mesra OKU penglihatan. Kajian ini adalah untuk melihat pemasalahan kekurangan bahan rujukan umrah yang khusus untuk golongan OKU penglihatan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual dan kajian perpustakaan yang mana melibatkan analisis dokumen terhadap sumber-sumber yang menerangkan tentang ibadah bagi golongan OKU, hukum mengerjakan umrah bagi OKU penglihatan, rukhsah dan garis panduan umrah bagi OKU penglihatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa OKU penglihatan menghadapi kekurangan bahan rujukan umrah dan juga buku garis panduan yang sedia ada, bukan khusus untuk OKU penglihatan.

### Perkembangan Artikel

Diterima: 13 Ogos 2021

Disemak: 30 Oktober 2021

Diterbit: 30 Januari 2022

### Penulis Utama:

Sharifah Nur Hidayah Syed Harun

Pusat Kajian Syariah

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan

Malaysia

### E-mel:

[zainiyahya@ukm.edu.my](mailto:zainiyahya@ukm.edu.my)

Hasil kajian ini memberi implikasi positif dalam mencadangkan penambahbaikan terhadap garis panduan umrah yang sedia ada kepada pihak berkepentingan khususnya Yayasan Orang Buta Malaysia.

**Kata kunci:** Umrah, OKU penglihatan dan buku garis panduan umrah

## **Pengenalan**

Secara umumnya, umrah ialah satu tuntutan ibadah yang perlu dilakukan oleh umat Islam terutamanya bagi mereka yang berkemampuan. Pendapat yang sahih dalam mazhab Imam Syafie r.a yang al-Azhar menyatakan bahawa hukum melaksanakan umrah adalah wajib seperti haji (Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali al-Sharbaji 1992). Tuntutan ibadah ini bukan sahaja difardukan kepada manusia yang normal namun ia juga menjadi kefarduan orang kurang upaya untuk merasai kemanisan dalam menunaikan ibadah umrah. Menurut Imam al-Haddad (1999), hukum asal umrah terhadap golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan adalah tidak wajib tetapi sekiranya mereka berkeinginan serta berkemampuan daripada segi kewangan dan mempunyai pengiring maka iman mereka lebih tinggi dan pahala lebih berganda.

Meskipun bukan yang utama, namun ibadah umrah juga tidak kalah istimewanya dengan ibadah haji. Ibadah umrah menjadi pilihan alternatif bagi mereka yang belum berkesempatan menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci Mekah. Seperti mana keistimewaan ibadah haji, umrah juga ada kelebihan. Jadi sudah tentu ibadat umrah ingin dikerjakan oleh semua orang Muslim termasuk golongan OKU Penglihatan. Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh OKU sama ada masalah luaran atau masalah dalaman seperti limitasi penglihatan, pergerakan fizikal dan aras pemikiran. Contoh masalah luaran adalah fasiliti ibadah, persekitaran ibadah, pengangkutan dan sebagainya. Masalah dalaman mampu di atasi dengan pelbagai cara melalui bantuan penterjemahan, bahasa isyarat, alat bantu dengar dan juga alat bantu lihat seperti Braille (khas untuk OKU penglihatan).

## **Objektif Kajian**

Kajian ini adalah untuk melihat permasalahan kekurangan bahan rujukan garis panduan umrah yang khusus untuk golongan OKU penglihatan.

## **Pemmasalahan Kajian**

Menurut Nurul Asmak Liana dan rakan-rakan (2017), antara masalah yang dihadapi oleh golongan OKU penglihatan termasuklah masalah kewangan untuk membeli bahan bacaan. Bahan bacaan untuk mereka sukar didapati dan sekiranya ada, harga buku tersebut mahal berbanding buku biasa yang tidak memerlukan kepada penterjemahan ke dalam bentuk Braille. Kos yang tinggi untuk menghasilkan buku dalam tulisan Braille sehingga mencecah 10 kali ganda daripada kos penerbitan buku biasa. Presiden Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia (PPOBM), Muhammad Huzaifah Ahmad (2021) menyatakan kos yang tinggi ini disebabkan terpaksa menggunakan kertas dan pencetak khas sehingga menyebabkan sebuah buku yang harga asal RM9 boleh mencecah RM120 apabila diterjemahkan kepada tulisan Braille. Kos yang tinggi ini menyebabkan kekurangan bahan rujukan terutamanya buku panduan menunaikan umrah untuk golongan OKU penglihatan. Jamil (2020) yang menyatakan halangan yang paling besar untuk golongan OKU dalam memenuhi tuntutan agama adalah daripada segi kemudahan fasiliti dan kekangan bahan rujukan (Mahyuddin Hashim et al. 2013).

Mahyuddin Hashim et al. (2013) mendapati kekangan bahan rujukan menjadi faktor utama yang menghalang OKU penglihatan dalam meningkatkan potensi diri untuk mendapatkan maklumat berkaitan sesuatu ilmu. Tambahan lagi kajian oleh Mohd Nur Adzam

Rasdi (2012) dan Norakyairee & Ab. Halim (2011) turut menyokong pernyataan tersebut. Mereka menyarankan supaya pengkaji lain memperbanyakkan lagi penghasilan bahan rujukan Islamik agar dapat menambahkan ilmu untuk golongan OKU cacat penglihatan (Nurul Asmak Liana Bakar et.al, 2017). Justeru itu, kekurangan bahan rujukan memberikan impak yang besar terhadap golongan OKU penglihatan terutamanya dalam mendalami ibadah umrah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual terbuka dan kajian perpustakaan yang mana melibatkan analisis dokumen terhadap sumber-sumber yang menerangkan tentang ibadah bagi golongan OKU, hukum mengerjakan umrah bagi OKU penglihatan, rukhsah dan garis panduan umrah bagi OKU penglihatan.

## **KAJIAN LITERATUR**

Kajian literatur dalam kajian ini akan memfokuskan kepada definisi konsep penting dalam kajian ini.

## **IBADAH BAGI GOLONGAN OKU MENURUT AL-QURAN DAN AL-SUNNAH**

Konsep ibadah terlalu murni dan luas skopnya. Ia tidak sekadar ibadah khusus yang sifatnya rohaniah tetapi juga bersifat *ammah* (umum). Taat kepada Allah adalah penting sebagai tanda keyakinan hamba kepada *Khaliq* atau Pencipta. Menurut Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah, ibadah adalah suatu istilah yang mencakup segala sesuatu yang dicintai Allah dan diredainya, sama ada melalui bentuk perkataan mahupun perbuatan.

Islam telah menggariskan panduan dalam pelaksanaan ibadah yang telah disyariatkan. Islam juga adalah agama yang tidak akan membebani hambanya dengan sesuatu yang tidak mampu untuk dilakukan. Terdapat keringanan-keringanan yang diberikan kepada golongan yang tidak berkemampuan dalam melaksanakan ibadah yang diperintahkan kepada mereka. Firman Allah SWT:

Maksudnya:

Kami tiada membebani seseorang melainkan menurut kesanggupannya, dan pada sisi Kami ada suatu kitab yang membicarakan kebenaran, dan mereka tidak dianiaya.

(al-Quran, al-Mu'minun 23:62)

Allah SWT berlaku adil terhadap hambanya dalam pelaksanaan syariat yang ditetapkan. Allah SWT tidak akan membebani hambanya di luar kemampuan mereka dan setiap perbuatan akan dihitung mengikut kemampuan mereka ketika melaksanakan syariat tersebut (Ibnu Kathir 2003). Allah SWT juga berfirman:

Maksudnya:

Allah menghendaki kemudahan bagi mu, dan tidak menghendaki kesukaran bagi mu.

(al-Quran, al-Baqarah 2:185)

Berdasarkan ayat ini Ibnu Kathir (2003) menyatakan bahawa Allah SWT memberi kemudahan kepada hambanya dalam melaksanakan syariat yang diperintahkan.

Maksudnya:

Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya.

(Surah Al-Baqarah: 286).

Sekiranya sesuatu perkara tersebut di luar kemampuan maka Allah memberikan keringanan padanya:

- Keringanan, keperluan di dalam melakukan sesuatu ibadah, namun bukanlah dalam bentuk sempurna seperti pada asalnya sebelum menghadapi kesulitan iaitu sesuatu yang di luar kemampuan. Contohnya: Tayamum ketika berat menggunakan air, duduk ketika tidak mampu berdiri dalam solat, serta jamak dua solat fardu sekiranya sulit melakukan kedua-duanya pada waktu masing-masing,
- Pengguguran ibadah yang tidak diperintahkan ketika itu. Contohnya: pengguguran kewajiban, seperti gugurnya kewajiban solat Jumaat kerana terdapat halangan, serta gugurnya kewajiban ibadah haji dan umrah jika tidak berkemampuan.

Islam ialah agama yang sesuai dengan sifat dan kemampuan manusia, disebabkan oleh situasi yang sukar atau teruk, seperti mempunyai penyakit, keadaan terpaksa, pelupa, kekurangan, dan keadaan lain yang sukar. Oleh itu, jika seorang hamba menghadapi keadaan yang sukar, maka dalam Islam ada jalan keluar yang mudah dan ringan. Kemudahan dan keringanan dalam Islam ini adalah bentuk kasih sayang Allah kepada hamba-Nya, dan bukti bahawa Allah menurunkan Islam untuk tidak membebankan dan menyukarkan hamba-Nya, melainkan demi kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat.

Allah SWT menjelaskan bahawa segala syariat yang diperintahkan wajib dilaksanakan mengikut tahap kemampuan seseorang. Sekiranya kemampuan seorang hamba terbatas disebabkan oleh suatu penyakit, mereka diberikan keringanan dalam melaksanakan syariat adalah mengikut kemampuan mereka ketika itu. Sekiranya telah diberikan kesembuhan, maka mereka wajib melaksanakan setiap syariat yang diperintahkan dengan sempurna (Ibnu Kathir 2003).

Berdasarkan kepada perbincangan dan ayat-ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Allah SWT memberi keringanan dan kemudahan kepada hamba-Nya dalam melaksanakan syariat mengikut kemampuan mereka. Ia merupakan suatu rahmat yang diberikan oleh pencipta sebagai manifestasi kecintaan terhadap hamba-Nya. Dalam pelaksanaan ibadah, Islam telah menetapkan syarat-syarat pelaksanaannya antaranya mukalaf.

Di dalam kitab *Sullamu al-Taufiq ila Mahabbatillah ala al-Tahqiq* (2015) Abdullah bin Hussain menyatakan bahawa mukalaf merupakan salah satu syarat wajib dalam agama. Bagi golongan OKU yang mengalami dua kecacatan pancaindera serentak mereka tidak dikira sebagai mukalaf kerana dikira tidak sampai dakwah kepada mereka. Sekiranya mereka sempat untuk mengetahui hukum-hukum syarak sebelum mengalami kecacatan pancaindera tersebut maka wajib ke atas mereka untuk melaksanakan ibadah mengikut tahap kemampuan mereka. Manakala bagi golongan OKU yang mengalami salah satu daripada kecacatan seperti kecacatan fizikal, penglihatan atau pendengaran maka wajib bagi melaksanakan segala ibadah yang diperintahkan (Ab Aziz et al. 2009).

(a) Ibadah Umrah

Umrah pada bahasa ialah ziarah, sebagai contoh apabila dikatakan si fulan melakukan umrah, maka maksudnya ialah melakukan ziarah atau pergi ke tempat yang dimakmurkan (Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugha dan Ali asy-Syarbaji, 1992). Sedangkan secara istilah, umrah dalam ilmu fiqh didefinisikan oleh Jumhur Ulama sebagai Tawaf di sekeliling Baitullah dan Sa'i antara Safa dan Marwah dengan berihram. Definisi umrah dari sudut syara' ialah mengunjungi Baitullah Al-Haram (Ka'bah) di Mekah untuk mengerjakan rukun-rukunnya (Hasan bin Ahmad, 2003). Menurut Mazhab Syafi'i (dalam pendapat yang paling kuat) dan Mazhab Hambali, umrah itu wajib seperti haji, seperti mana yang terdapat dinyatakan dalam surah al-Baqarah ayat 196.

Maksudnya: Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah.

(al-Baqarah: 196)

Umrah merupakan salah satu ibadah yang wajib untuk ditunaikan. Apatah lagi bagi seorang wanita, umrah adalah satu jihad baginya. Ini berdasarkan sebuah hadith Nabi SAW sebagaimana berikut:

Maksudnya :

Dari Aisyah RA, ia berkata, “Aku berkata; ‘Wahai Rasulullah, apakah jihad juga wajib bagi wanita?’ Beliau menjawab, ‘Ya. Bagi kaum wanita mempunyai kewajiban berjihad tanpa berperang, iaitu (jihad) haji dan umrah’.”

(Ibnu Majah, Sunan Ibnu Majah, Kitab al-Manasik, Bab al-Haj jihad al-Nisa')

(b) Definisi Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan

Ab Aziz Mohd Zin et al. (2009) menyatakan penglihatan merupakan pancaindera penting yang menjadi saluran sumber maklumat kepada manusia. Manusia perlu bergantung kepada penglihatan dalam setiap masa bagi menguruskan aktiviti dalam kehidupan seharian kita termasuklah bagi memenuhi tuntutan agama. Penglihatan juga merupakan agen penting dalam proses perkembangan pendidikan manusia kerana manusia banyak bergantung kepada penglihatan untuk mempelajari sesuatu dalam kehidupan dengan kadar 80%.

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia telah mendefinisikan golongan OKU cacat penglihatan adalah golongan yang tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad pada kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantuan penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh. Golongan cacat penglihatan boleh dibahagikan kepada dua iaitu cacat penglihatan terhad (dapat melihat tetapi memerlukan kepada alat bantuan penglihatan) dan buta (tidak dapat melihat langsung). Kecacatan ini berpunca daripada keturunan, kemalangan, komplikasi semasa hamil, penyakit dan sebagainya. Menurut statistik yang telah dikeluarkan oleh JKM Malaysia, golongan cacat penglihatan yang berdaftar lebih kurang 14 154 orang dan ia semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Menurut Norshidah (2013), terdapat pelbagai istilah yang digunakan bagi menggambarkan individu atau kelompok yang mempunyai kecacatan penglihatan seperti buta, buta dari segi perundangan, cacat penglihatan, masalah penglihatan dan lain-lain lagi. Manakala menurut *World Health Organization* (WHO), istilah buta merujuk kepada ketidakmampuan untuk melihat disebabkan oleh gangguan pada kornea, kanta, gelemaca, retina dan saraf optik. Namun tiada istilah yang khusus bagi ulama' fiqh berkenaan golongan ini. Para ulama menggunakan perkataan ini bagi menunjukkan keadaan seseorang yang tidak mampu melihat, sama ada buta sejak lahir atau disebabkan oleh faktor-faktor lain (Azman Ab Rahman et al. 2015).

Menurut WHO (2014) sebanyak 285 juta penduduk di seluruh dunia mengalami masalah kerosakan mata iaitu sebanyak 39 juta daripada mereka mengalami cacat penglihatan dan 245 juta mengalami masalah penglihatan yang rendah. Di Malaysia berdasarkan kepada sumber Jabatan Perangkaan Malaysia (2012) bilangan OKU sehingga tahun 2011 ialah sebanyak 359203 orang manakala bilangan OKU penglihatan sebanyak 31924 orang.

Berdasarkan kepada Klasifikasi Penyakit Antarabangsa (2006), terdapat empat tahap penglihatan iaitu tahap penglihatan normal, tahap penglihatan sederhana, tahap penglihatan rendah dan cacat penglihatan. Menurut Karin (t.t) di India berdasarkan kepada Akta Golongan Kurang Upaya (1995) kurang upaya penglihatan didefinisikan sebagai golongan cacat penglihatan, golongan rendah penglihatan, golongan penglihatan sebelah mata dan golongan cacat penglihatan dan pendengaran. Cacat penglihatan didefinisikan sebagai mereka yang kehilangan keseluruhan penglihatan atau memiliki tahap penglihatan tidak melebihi 6/60 atau 20/200 atau mempunyai penglihatan yang terhad kepada sudut pandangan 20 darjah atau lebih teruk lagi. Di Malaysia, menurut Akta OKU (2008) cacat penglihatan ialah mereka yang tidak memiliki kemampuan untuk melihat atau memiliki penglihatan yang terhad walaupun menggunakan alat bantuan penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh.

Berdasarkan definisi dan kategori golongan OKU yang dinyatakan oleh pengkaji daripada setiap pelosok dunia dapat diringkaskan bahawa golongan OKU ini hanya menghadapi kesukaran dari sudut fizikal. Islam tidak mendiskriminasikan mereka kerana Allah SWT menciptakan hambanya dengan sebaik-baik penciptaan dan kekurangan dari sudut fizikal itu sebagai ujian di dunia untuk menguji tahap keimanan hambanya.

#### (c) Ibadah Umrah Golongan OKU Penglihatan Dalam Islam

Menurut Imam al-Haddad (1999), hukum asal umrah terhadap golongan OKU penglihatan adalah tidak wajib tetapi sekiranya mereka berkeinginan serta berkemampuan daripada segi kewangan dan mempunyai pengiring maka iman mereka lebih tinggi dan pahala lebih berganda

Golongan cacat penglihatan turut termasuk dalam kalangan orang-orang yang ditaklifkan untuk memenuhi tuntutan agama seperti umrah, bahkan ia tiada perbezaan daripada manusia normal yang lain. Selain itu, golongan ini diberikan rukhsah bagi memudahkan mereka melaksanakan tuntutan agama mengikut kadar kemampuan mereka. Walaupun terdapat kesukaran kepada mereka dalam memenuhi tuntutan ini, tetapi mereka boleh melaksanakan bagi melengkapkan dirinya sebagai seorang Muslim sejati dan seterusnya mendapat hikmah pensyariatannya sebagaimana manusia normal yang lain. Ini dapat dibuktikan berdasarkan dalil al-Quran:

Maksudnya: (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): “Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab neraka.”

(al-Quran, Al Imran 3: 191)

Berdasarkan daripada ayat-ayat al-Quran yang telah dinyatakan jelas bahawa ibadah umrah merupakan fardu ke atas semua mukalaf sekali seumur hidup apabila memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Hukum pelaksanaan ibadah umrah bagi OKU cacat penglihatan berkait dengan kemampuan dalam melaksanakan ibadah tersebut.

#### (d) Garis Panduan

Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan garis panduan sebagai panduan atau petunjuk-petunjuk yang perlu diikuti, dasar (ciri-ciri utama dsb) yang boleh dijadikan panduan atau pegangan. Garis panduan bermaksud sekumpulan pernyataan untuk menentukan jalan tindakan. *Law Insider* mendefinisikan garis panduan menyelaraskan proses pembuatan keputusan pengurusan penggunaan mengikut amalan klinikal berdasarkan bukti yang rutin atau

kukuh. Secara definisi, mengikuti garis panduan tidak pernah wajib. Garis panduan tidak mengikat dan tidak dikuatkuasakan.

Garis panduan umrah adalah panduan menunaikan umrah. Dari segi persediaan menunaikan umrah dan juga tatacara mengerjakan umrah. Buku panduan ini penting untuk dijadikan panduan kepada mereka yang ingin menunaikan umrah.

(e) Buku Garis Panduan Umrah OKU penglihatan

Menurut Silatul Rahim (2021), setakat ini hanya sebuah sahaja buku panduan umrah yang digunakan di Yayasan Orang Buta Malaysia. Maka, mereka menghadapi kesukaran untuk belajar dan mendalami ilmu berkaitan umrah. Persoalan yang timbul bagaimanakah pengisian dalam buku umrah tersebut memenuhi keperluan dan piawaian umrah bagi golongan OKU penglihatan. Buku panduan yang sedia ada, adalah buku untuk umum yang dicetak dalam tulisan Braille. Jadi panduan khusus untuk OKU penglihatan tidak dinyatakan dalam buku tersebut.

Kenyataan ini dapat dibuktikan oleh kajian yang telah dilakukan oleh Mahyuddin Hashim et al. (2013) yang mana kekangan bahan rujukan berbentuk Braille menjadi antara faktor utama yang menghalang golongan bermasalah penglihatan dalam meningkatkan potensi diri mereka dan mendapatkan maklumat berkaitan sesuatu ilmu. Mohd Nur Adzam Rasdi (2012) yang menyarankan agar memperkayakan lagi penghasilan bahan rujukan Islamik yang di transkripsi ke dalam bentuk Braille bagi menambah ilmu dalam kalangan OKU cacat penglihatan.

Tambahan lagi menurut Mohd Sollah (2016) yang menyatakan kebanyakan jemaah Haji dan Umrah menginginkan bahan rujukan khas supaya dapat membantu mereka dalam menunaikan ibadah. Menurut beliau lagi, cadangan penyediaan garis panduan yang dilakukan oleh pengkaji adalah satu usaha yang mendapat sokongan kebanyakan para jemaah umrah. Modul-modul yang sedia ada kebanyakannya adalah tidak berkaitan dengan OKU penglihatan sedangkan OKU juga memerlukan bahan rujukan khas seperti modul pengajian Islam yang memberikan mereka pengetahuan berkaitan agama terutamanya dalam bidang umrah. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan ke atas golongan OKU penglihatan bagi membantu mereka mendapatkan pendedahan yang lebih efektif dan memenuhi keperluan khas dalam ibadah umrah.

Tambahan lagi, kos juga diperlukan untuk menambah alat bantu yang sesuai terhadap pembacaan bagi golongan OKU penglihatan. Tambahan pula, proses penyampaian ilmu melalui syarahan dan medium-medium lain yang terhad seperti menulis di papan putih dan penerangan visual melalui *powerpoint* adalah kurang berkesan bagi mereka dalam aplikasi pengajaran dan pembelajaran (P&P). Penyampai perlu memberikan penerangan yang dapat membayangkan perkara-perkara yang ingin disampaikan (Hasnah Toran et al. 2009). Menurut Fadzilah (2021), kekurangan daripada segi kepakaran tenaga pengajar dalam menyampaikan pengisian umrah kepada bakal jemaah OKU penglihatan juga perlu diberi penekanan kerana penyampaian pengisian kursus umrah yang dihidirinya kurang efektif dan memerlukan penjelasan yang lebih terperinci terutama bagi golongan yang terbatas penglihatan. Oleh itu, medium yang sesuai digunakan untuk OKU penglihatan ialah buku garis panduan sebagai sumber rujukan yang utama.

Buku panduan yang sedia ada, merupakan cetakan lama, yang tidak diperbaharui daripada segi kandungan dan fakta yang bersesuaian dengan golongan OKU penglihatan. Mereka masih menggunakan buku panduan umrah yang lama sebagai panduan. Buku garis panduan umrah yang khusus harus disediakan untuk OKU penglihatan. Adalah tidak sesuai sekiranya menukarkan ke bentuk tulisan Braille tanpa menyediakan panduan yang khusus untuk mereka.

## DAPATAN KAJIAN

Daripada kajian yang dibuat, daripada segi hukum golongan OKU penglihatan boleh menunaikan ibadah umrah sama seperti orang biasa, seperti mana yang dijelaskan dalam al-Quran, hadith dan para ulama. Islam juga agama yang tidak akan memberatkan hambanya melebihi kemampuan hambanya. Golongan cacat penglihatan juga turut termasuk dalam kalangan orang-orang yang ditaklifkan untuk memenuhi tuntutan agama seperti umrah, bahkan tiada perbezaan daripada manusia normal yang lain. Selain itu, golongan ini diberikan rukhsah bagi memudahkan mereka melaksanakan tuntutan umrah ini mengikut kadar kemampuan mereka. Walaupun terdapat kesukaran kepada mereka dalam memenuhi tuntutan ini, tetapi tiada halangan golongan OKU untuk menjalani ibadah bagi melengkapkan dirinya sebagai seorang Muslim sejati dan seterusnya mendapat hikmah pensyariatannya sebagaimana manusia normal yang lain.

Pengarah Urusan KL Braille Resources, Datuk Mah Hassan Omar, berkata sungguhpun negara memiliki kemajuan teknologi maklumat hingga membolehkan penghasilan e-buku dan kemudahan mendengar di Internet, 'mendengar' tidak sama dengan membaca. Ramai OKU penglihatan yang mahu membaca sendiri menggunakan tulisan Braille. Namun, kajian mendapati bahawa bukan sahaja tiada buku garis panduan umrah yang khusus bagi golongan OKU penglihatan tetapi rujukan buku ibadah yang lain juga adalah sangat berkurangan. Buku garis panduan yang ada adalah daripada buku Panduan Ringkas Ibadat Umrah dan Ziarah yang disusun oleh Al-Ustaz Datuk Haji Kamal Hj Muhamad. Buku ini diterbitkan pada tahun 2007 yang ditukar kepada tulisan Braille. Buku kecil yang berketebalan 74 muka surat ini adalah buku ringkas yang dibawa oleh jemaah semasa menjalankan ibadah umrah. Buku ini dibahagikan kepada lima bab yang menerangkan tentang apakah ibadat umrah dan ziarah. Bab seterusnya menerangkan rukun umrah, yang diterangkan secara ringkas tentang carta perjalanan umrah, adab safar, cara berniat ihram, cara mengerjakan tawaf, cara mengerjakan *sa'ie*, cara bercukur atau bergunting, berhasil *tahallul* dengan terbit, umrah kanak-kanak, mengulangi pekerjaan umrah, tawaf sunat, wanita didatangi haid setelah berniat ihram dan niat ihram umrah bersyarat (berniat *ihlal*) tawaf *wada'*. Bab akhir menerangkan tentang ziarah di Madinah.

Jika dilihat daripada kandungan buku ini, buku ini sesuai sebagai rujukan ringkas Jemaah yang telah mempunyai pengetahuan dan memahami tentang hukum-hukum umrah secara lebih mendalam. Ia hanya dibaca untuk panduan ringkas bagi mereka mengingat rukun umrah. Contohnya bagi berniat ihram Umrah, cuma disertakan niat umrah, tidak diterangkan secara mendalam. Begitu juga dengan perkara-perkara lain. Jelas buku ini disusun sebagai panduan ringkas. Namun buku ini yang dijadikan panduan umrah untuk golongan OKU penglihatan yang diterbitkan dalam bentuk Braille. Oleh itu, sudah tentu maklumat buku ini masih tidak mencukupi bagi OKU penglihatan dalam mendalami rukun-rukun umrah secara lebih mendalam. Walaupun mereka menjalani kursus sebelum menunaikan umrah tetapi mereka mahukan bahan yang boleh mereka baca dan ulang kaji sendiri di rumah.

Menurut Fadzilah (2021) yang merupakan jemaah OKU penglihatan pada tahun 2018, beliau menyarankan agar dimasukkan elemen-elemen hukum berkenaan haid di dalam buku garis panduan tersebut secara mendalam. Hal ini kerana kebanyakan jemaah wanita tidak memahami berkaitan hukum haid ekoran buku garis panduan tersebut terlalu ringkas dan tiada pendedahan hukum tersebut dalam kursus umrah yang dihidirinya. Kenyataan tersebut turut disokong oleh Nur Alia (2021) juga merupakan jemaah OKU penglihatan tetapi beliau seorang muallaf, menurut kenyataannya sukar untuk dia mendalami ilmu berkaitan umrah kerana buku yang disediakan terlalu ringkas dan hanya buku tersebut yang ada sebagai rujukan beliau. Beliau turut menyatakan kekesalan kerana terpaksa berharap sepenuhnya kepada pengiring melalui bacaan-bacaan dan dalam segala aspek. Oleh itu, beliau berharap penambahbaikan terhadap buku garis panduan umrah yang khusus untuk OKU penglihatan.

Sekolah dan pusat latihan mempunyai bahan bacaan Braille, tetapi di tempat seperti perpustakaan daerah, jumlahnya sangat sedikit. OKU memerlukan bahan bacaan untuk



membolehkan mereka mendapat bahan bacaan yang lebih luas. Datuk Mah Hassan menyatakan isu berkaitan literasi dalam kalangan OKU tidak begitu dititikberatkan kerana kebajikan dan pekerjaan individu lebih diutamakan. Namun, dalam keadaan sekarang keadaan telah berubah terutama Kementerian Pendidikan ingin memastikan tiada pelajar OKU ditolak daripada memasuki alam persekolahan selepas ini. Kemampuan untuk mendapat pendidikan tinggi menerusi ilmu, menyebabkan bahan bacaan untuk OKU penglihatan harus diperbanyakkan. Ini jelas menunjukkan bahawa bahan bacaan umum dan bahan bacaan yang lain seperti buku panduan umrah adalah amat kurang untuk golongan OKU penglihatan.

Bahan bacaan golongan kurang upaya (OKU) penglihatan perlu berkualiti dan diperbanyakkan untuk meningkatkan literasi mereka. Kajian rawak dijalankan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia sebelum ini, mendapati bahan bacaan Braille hanya ada sebanyak 0.04 peratus di negara ini. Pengarah Urusan KL Braille Resources, Datuk Mah Hassan Omar, berkata sungguhpun negara memiliki kemajuan teknologi maklumat hingga membolehkan penghasilan e-buku dan kemudahan mendengar di Internet, 'mendengar' tidak sama dengan membaca. Katanya, meningkatkan literasi memerlukan bahan bacaan kerana ia membabitkan 5M, iaitu membaca, mengira, menulis dan mengakses selain mendengar. Perkara tersebut turut disokong melalui temu bual pengkaji bersama Mohammad Huzairah (2021), Presiden Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia yang menyatakan bahawa hanya 50 tajuk sahaja buku yang dikeluarkan dalam pelbagai genre selama 5 tahun ini. Hal ini jelas menunjukkan betapa sedikitnya keluaran buku rujukan untuk golongan OKU penglihatan.

Satu lagi cabaran dalam usaha penyediaan bahan bacaan Braille ialah masalah hak cipta bagi bahan-bahan bercetak. Organisasi penyedia bahan bacaan Braille perlu mendapatkan kebenaran daripada syarikat penerbitan dan empunya hak cipta sesebuah medium bacaan sebelum dapat di transkripsi atau dipindah bentuk ke dalam tulisan Braille. Perjanjian Marrakesh atau Marrakesh Treaty telah pun dimeterai di meja *World International Property Organization* (WIPO) yang membenarkan hak cipta sesebuah penulisan dipindah bentuk bagi faedah OKU penglihatan. Walau bagaimanapun, tidak banyak syarikat yang berminat dan bersedia untuk menerbitkan bahan bacaan mereka dalam bentuk tulisan Braille. Kurangnya kerjasama daripada syarikat penerbitan bahan bacaan ini mungkin sekali menjadi salah satu sebab organisasi penyedia bahan bacaan Braille lebih tertumpu pada kontrak daripada pihak kerajaan, misalnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dengan menghasilkan buku-buku teks untuk kegunaan para pelajar di sekolah. Daripada perspektif lain, perkara ini sebenarnya mengekang peluang OKU penglihatan untuk membaca bahan-bahan bacaan yang menarik dan berfaedah seperti yang dinikmati manusia lain.

Daripada kajian ini disarankan supaya masalah bahan bacaan untuk OKU penglihatan harus diperbanyakkan mencakupi pelbagai bidang daripada segi kemudahan panduan-panduan mengerjakan ibadah termasuk garis panduan mengerjakan umrah.

## **KESIMPULAN**

Islam tidak mendiskriminasikan golongan OKU penglihatan disebabkan oleh kekurangan yang diberikan oleh Allah SWT, hal ini kerana mereka mampu menunaikan ibadah seperti orang biasa. Sebagaimana yang kita maklum setiap umat Islam pasti mempunyai keinginan untuk menunaikan ibadah umrah. Hikmah pensyariatan umrah ini bukan hanya diperoleh oleh golongan yang normal bahkan ia untuk seluruh umat manusia yang beragama Islam termasuklah golongan OKU cacat penglihatan. Kecacatan yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka ini bukan menjadi penghalang kepada mereka untuk bersama-sama dengan yang lain dalam memenuhi tuntutan yang telah diperintahkan oleh Allah. Ini kerana syurga Allah yang menjadi destinasi terakhir kehidupan kita itu bukan hanya untuk golongan normal, tetapi untuk semua yang melaksanakan perintah Allah dengan sebaiknya, tidak mengira kecacatan atau kekurangan, bahkan golongan ini mungkin mendapat tempat yang lebih tinggi di sisi Ilahi. Namun, dalam menunaikan ibadah umrah ini, golongan cacat penglihatan ini menghadapi pelbagai cabaran yang berbeza dengan orang lain. Hasil kajian mendapati kekurangan bahan bacaan sebagai sumber rujukan merupakan masalah yang perlu diatasi. Justeru itu, semua pihak

yang berkenaan perlu lebih peka dan cakna berkaitan masalah OKU cacat penglihatan dalam membantu mereka untuk menunaikan umrah.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Ab. Aziz Mohd Zain et al. 2009. Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya. Universiti Malaya

Ahmad Firdaus Mohd Noor & Kamarul Azmi Jasmi. t.th. Pensyarah cemerlang pendidikan Islam politeknik: Satu kajian kes (excellent polytechnic lecturer in Islamic education: a case study). Seminar Pascasiswazah Fakulti Tamadun Islam Kali Kedua, hlm. 106-124.

Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahrizan Ali. 2016. Mengenal Kuantitatif dan Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.

Akta Orang Kurang Upaya Wilayah-wilayah Persekutuan 2008.

Al-Imam Syekh Al-Islam Qutub Ad-Dakwah wa Al-Irshad As-Sheikh Al-Habib Abdullah bin Alawi Al-Haddad Al-Hadhrami As-Syafie. 1999M. An-Nasoih Ad-Diniyah wal Wasoya al-Imaniah. t.tp: Dār al-Hāwī.

Anon. 2010. Manual Pengurusan Kesempurnaan Manasik. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) Jabatan Perdana Menteri.

Bodgan, R.C, & Biklen, S.K. 2007. Qualitative Research for Education: An Introduction to Theories and Methods. Boston: Publishing an Ally & Bacon.

Chua Yan Piaw. 2006. Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: Mcgraw Hill Malaysian Sdn.Bhd.

Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al Bakri. 2017. Bayan Li Al-Haj Siri 2: Pengertian Haji Dan Umrah Serta Perbezaannya. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-li-al-haj/724-bayan-li-al-haj-siri-2-pengertian-haji-dan-umrah-serta-perbezaannya>. [12 Julai 2021].

David Blocksidge. 2003. Dictionary of Disability Terminology. Ed. 1. Pertubuhan Orang Kurang Upaya. Singapura.

Dr. Mustofa al-Khin, Dr. Mustofa al-Bugha dan Ali asy-Syarbaji. 1992M. Fiqhul Manhaji `Ala Mazhabil Imam as-Syafie. Jil 2. Beirut: Darul Qalam.

Fadzilah Aziz. 2021. Umrah untuk OKU penglihatan, atas talian. Temu bual, 27 Jun.

Fatimah Salleh & Lim Chap Sam. 2013. Analisis Data Kualitatif. Noraini Idris (pnyt.). Kuala Lumpur: Penerbit Mcgraw Hill Education Sdn.Bhd.

Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, & Norasuzaini Sujak. 2009. Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia. Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education 1(2): 18-29.

[http://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/bilangan-OKU-baru-berdaftar-mengikut-kategori-ketidakupayaan-penglihatan-etnik-dan-negeri/resource/d1b99b75-1ad3-4485-ab3a-7ba481cd647d](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/bilangan-OKU-baru-berdaftar-mengikut-kategori-ketidakupayaan-penglihatan-etnik-dan-negeri/resource/d1b99b75-1ad3-4485-ab3a-7ba481cd647d).

Ibnu Majah, Abu Abdullah Muhammad bin Yazid Ar-Rabi' bin Majah al-Qazwini. t.th. Sunan Ibnu Majah. Tahqiq (Muhammad Fuad Abdul Baqi). Bayrut: Dar al-Fikr.

- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). 2020. Statistik Orang Kurang Upaya 2020.
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR). 2020. Manual Pengurusan Perkhidmatan Umrah. [http://umrah.jawhar.gov.my/manual/TEKS\\_umrah](http://umrah.jawhar.gov.my/manual/TEKS_umrah) [12 Oktober 2020].
- Jackel, B., Pearce, J., Radloff, A., & Edwards, D. (2017) Assessment and feedback in higher education. Higher Education Academy, York, Yorkshire, England.
- Jamaluddin Hashim. 2011. Panduan Mengerjakan Umrah. Kuala Terengganu: Unisza.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Melaka: t.pt
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2012. Kurang Upaya Secara Am. <http://www.myhealth.gov.my/kurang-upaya-secara-am/>. [17 Julai 2021].
- Kependidikan, D T., Mutu, D. J. T., KEPENDIDIKAN, P., & Nasional, D.P. 2008. Penulisan Modul. Jakarta: Direktorat Tenaga Kependidikan Direktorat Jenderal Peningkatan Mutu Pendidik dan tenaga kependidikan Departemen Pendidikan Nasional.
- Mahir Danial. 2009. Ibadah haji dan umrah sebagai rukun Islam kelima. <http://mahir-alhujjah.blogspot.com/2009/07/ibadah-haji-dan-umrah-sebagai-rukun.html> [11 Julai 2020].
- Marshall, C. & Rossman, S.G. 2006. Designing Qualitative Research. London: Sage Publication.
- Mashaw, J dan V Reno. 1996. Balancing Security and Opportunity: The Challenge of Disability Income Policy. Final Report of the Disability Policy Panel, National Academy of Social Insurance. Washington D.C.
- Mohamad Nasirudin, N., Talib, H., Ibrahim, S. Z., & Mahdi Yusuf, S. A. 2019. Hubungan Sosial Masyarakat terhadap Orang Kurang Upaya di Malaysia Social Relationship to The Disabled in Malaysia. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 6(1), 279–291.
- Mohammad Huzaifah Bin Ahmad. 2021. Buku rujukan OKU penglihatan. Platform. Temu bual, 31 Julai.
- Mohd Faizal bin Ab. Hamid dan Norhayati Mohd Idris. 2016. Umrah: Lurking the Business Profitability and Eradicating Fraudulent in the Industry. Jurnal Pengurusan Jawhar. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) Malaysia. 10(2), 2.
- Mohd Sollah Mohamed dan Mohammad Seman. 2016. Keperluan modul bahasa arab untuk tujuan haji dan umrah: satu analisis kajian. Jurnal Kesidang 1 2016: 70 – 85.
- Mohd Zulkifli Jaafar. 2020. Buku panduan umrah untuk golongan OKU penglihatan, Kuala Lumpur. Temu bual, 10 Jun.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. 2013. Braille Al-Quran Sejarah dan Kaedah. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mustadzkiroh, M. & Khisni, A. 2017. Analisis kebijakan pembatasan pendaftaran haji (Studi di kantor Kementerian Agama Kota Salatiga). Jurnal Hukum Khaira Ummah 12(2): 271-280.
- Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Norazman Alias, Norhasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, Noornajihan Jaafar, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohamed Salleh & Hajarul Bahti Zakaria. 2013. Pengajaran al-Quran Braille: Isu dan Masalah Semasa. International Journal on Quranic Research (IJQR) Vol.3, No.4: 79-94, June 2013.
- Nur Alia Maisarah Ong Binti Abdullah. 2021. Umrah untuk OKU penglihatan. Atas talian. Temu bual, 23 Jun.
- Nur Fadliana Binti Che Di. 2015. Interaksi Rasulullah S.A.W bersama orang kelainan upaya (OKU): kajian layanan terhadap mahasiswa kelainan upaya di Universiti Malaya. Disertasi Sarjana. Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

- Nurul Asmak Liana Bakar, Hamdi Ishak dan Tengku Intan Zarina Tengku Puji. 2017. Halangan pelaksanaan solat fardhu dalam kalangan orang kelainan upaya (OKU) penglihatan di persatuan orang-orang cacat penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) wilayah Terengganu. Jurnal 'Ulwan 1: 43-62.
- Othman Lebar. 2015. Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Patton, M.Q. 1987. How to Use Qualitative Methods in Evaluation. California: SAGE Publications Inc.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2020. Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-418: Hukum Menunaikan Solat Bagi Orang Kurang Upaya. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4179-irsyad-a-fatwa-siri-ke-418-hukum-menunaikan-solat-bagi-orang-kurang-upaya>.
- Rasid Mail & Raman Noordin. 2012. Penyelidikan Peringkat Sarjana: Pendekatan Kualitatif sebagai Alternatif. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Silatul Rahim Dahman. 2021. Masalah OKU penglihatan, Atas talian. Temu bual, 26 Jun.
- Siti Muhibah binti Hj Nor. 2020. Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid: Keperluan dan Masalah Perlaksanaannya. JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs 4 (1): 19-27.
- Smith, R.W. 1987. Leisure of disabled tourist: Barriers to participation. Annals of tourism research 14: 376-389.
- Tuan Asri Tuan Hussien. 2018. Tampan kepada yang celik. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/460637/tampan-kepada-yang-celik> [8 Julai 2020].
- Umar Farook. 2020. Memilih umrah berbanding haji, Kuala Lumpur. Temu bual. 10 Sept-20.
- Ummu Nasibah Nasohah, Muhammad Izzuan Bin Abd Gani, & Nazipah Binti Mat Shaid, @ Md Shaid 2015. Model ADDIE dalam proses reka bentuk modul pengajaran: Bahasa Arab tujuan khas di Universiti Sains Islam Malaysia sebagai contoh. Proceedings of the International Seminar on Language Teaching tanggal hlm. 4-5.
- Vini Krisdiani. 2020. <https://www.idntimes.com/hype/fun-fact/vini-krisdiani/5-fakta-huruf-braille-yang-perlu-kamu-tahu-c1c2/3> [29 Jun 2020].
- Zakaria Ibn Muhammad bin Ahmad bin Zakaria al-Ansari, Zainuddin Abu Yahya. t.th. Jil.4. t.tp: Dar al-Kitab al-Islami.
- Zinaida Ariffin. 2006. Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya. Bentong: Kuala Lumpur: PTS Proffesional